

PENGHASILAN DAN PENILAIAN KESESUAIAN BORANG
PENILAIAN KURIKULUM DI SEBUAH POLITEKNIK

RUE LIZA BINTI MISHAN



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

Judul : PENGHASILAN DAN PENILAIAN KESESUAIAN BORANG
PENILAIAN KOKURIKULUM DI SEBUAH POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya : _____ NUR ILIZA BINTI MISNAN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor-Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : BT. 4 ¼ JLN. MATA AYER,
KG. CHUPING TITI BESI 1,
02500 CHUPING, PERLIS.

ENCIK SAIFULLIZAM BIN PUTEH
Nama Penyelia

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2003

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2003

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah adan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan :

Nama Penyelia :

Tarikh :



Encik Saifullizam Bin Puteh

September 2003

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**PENGHASILAN DAN PENILAIAN KESESUAIAN
BORANG PENILAIAN KOKURIKULUM DI SEBUAH POLITEKNIK**

NUR ILIZA BINTI MISNAN

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)**

**Jabatan Pendidikan Teknik
dan Vokasional**

SEPTEMBER 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : **Nur Iliza Binti Misnan**
Tarikh : **September 2003**

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



DEDIKASI

BUAT AYAHANDA, BONDA DAN KEDUA NENDA TERCINTA

Misnan Samsudin, Zaiton Kassim, Kassim Jusoh dan Siti Wangi Saad,

*"Doa dan nasihat kalian tetap utuh dalam ingatan sebagai
dorongan dan azimat kehidupanku"*

BUAT KEKANDA DAN ADINDA YANG DIKASIHI

Noor Azira, Nur Azreen, Nurul Huda, Khairill Anas, Radzi dan Farif

"Ikatan kekeluargaan dan kasih sayang antara kita amat berharga"

BUAT TEMAN TERISTIMEWA

Zulhairi Dzein @ Zain

"Semangat dan doronganmu mendorong kejayaanku selama ini"

BUAT RAKAN-RAKAN YANG ISTIMEWA

Shiela, Gee, Milfy, Yatie, Shue, Rinie, Anoi,

Pine, Pak Ngah, Pie, Norman, Zaki, Ong, Pet dan sekalian ahli Seksyen 3'03

*"Terima kasih kerana sentiasa memberi sokongan dan dorongan
Kehadiran kalian amat bererti sepanjang tempoh pengenalan kita"*

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kajian ini dapat disempurnakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Sesungguhnya segala cabaran yang dihadapi sepanjang menyiapkan proposal, mengutip data sehingga menyediakan laporan akhir merupakan satu pengalaman yang amat berharga dan tinggi nilainya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kalungkan buat **Encik Saifullizam Bin Puteh dan Isteri**, selaku pembimbing dan penyelia kajian ini. Berkat bimbingan, nasihat, dorongan dan ilmu pengetahuan yang dicurahkan saya berjaya menyiapkan laporan ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga dikalungkan buat **Dr. Maizam Bt. Alias dan Encik Mohd. Akbal Bin Abdullah** selaku penilai yang memberi banyak nasihat, teguran serta bimbingan yang berguna dalam usaha menjadikan kajian ini satu realiti.

Penghargaan ini juga diberikan istimewa buat **Kapten Rahim B. Ishak, Encik Nik Ahmad Rizal B. Wan Ismail** dan semua pensyarah kokurikulum di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang sudi memberikan kerjasama dalam membantu menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih buat pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di atas segala sokongan, dorongan dan bantuan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Semoga Allah SWT membalas budi baik kalian dan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak yang memerlukan, InsyaAllah.

Salam penghargaan,

Nur Iliza Bt. Misnan
September 2003

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “Penghasilan dan Penilaian Kesesuaian Borang Penilaian Kokurikulum di Sebuah Politeknik” telah dilaksanakan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah, Jitra. Kajian ini menjurus kepada mendapatkan maklumbalas daripada semua tenaga pengajar dan pensyarah berkenaan Borang Penilaian Kokurikulum daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di POLIMAS. Borang berkenaan telah dinilai oleh 42 orang responden daripada 44 orang populasi yang dipilih. Dengan menggunakan borang soal selidik ini, sebanyak 28 soalan telah digunakan untuk menjawab tiga persoalan kajian pengkaji. Bagi tujuan analisis data, Statistical Packages For Social Science (SPSS Version 11.0) telah digunakan. Seterusnya pengkaji telah menggunakan analisis skor min untuk menghuraikan setiap dapatan yang diperolehi. Hasil dapatan analisis telah menunjukkan semua responden bersetuju dengan penghasilan borang berkenaan terutamanya dari empat aspek utama iaitu penggunaan bahasa, kesesuaian format, kaedah pemarkahan menggunakan formula dan kesesuaian penggunaan borang ini di masa akan datang. Menerusi maklumbalas yang dikemukakan juga terdapat cadangan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan dilakukan agar Borang Penilaian Kokurikulum berkenaan mampu memberi nilai kepada pencapaian pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Selaras dengan itu juga, adalah diharapkan Borang Penilaian Kokurikulum ini akan diimplementasikan seluruh politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.



P
P
PER
PTTA
AMINAH

ABSTRACT

This research entitles “Producing and Evaluation Suitability of Co-Curricular Assessment Form at a Polytechnic”. This research was implemented at Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah, Jitra in order to gain responses from all the lecturers who involved in co-curricular activities towards the form produced by the researcher. The form was evaluated by 42 respondents from 44 of total population choosen. Using questionnaires, 28 questions were asked in order to answered three research questions. For data analysis, SPSS (Statistical Packages For Social Science Version 11) was used. After all the data was organized properly, mean score was used to interpret all the data collected. The findings shows that all the respondents agreed with the form and accepted that it consisted four aspects such as appropriate language, suitability of the format, the marking approach by using formular and the applicable to use in the future. Nevertheless, responses also showed that the form needs adjustment and modification so that the form will help the students in assessing all their achievement in co-curricular activities as well as their academic accomplishment. Hopefully, this form will be implement by all the polytechnics under the supervision of Ministry of Education.



PTAAUTHIM
PERBINTA KAN TUN KU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAB I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	
1.6.1	Pelajar – pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	8
1.6.2	Tenaga Pengajar / Pensyarah Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	8
1.6.3	Unit Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	9
1.6.4	Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional	9
1.6.5	Kementerian Pendidikan Malaysia	10
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Model Penilaian	11
1.9	Definisi Istilah	
1.9.1	Kokurikulum	13
1.9.2	Penilaian	14



BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Falsafah Kokurikulum	16
2.3	Matlamat Kokurikulum	17
2.4	Pelaksanaan Kokurikulum	
	2.4.1 Peringkat Sekolah	18
	2.4.2 Peringkat Institusi Pengajian Tinggi	20
2.5	Kepentingan Kokurikulum	
	2.5.1 Pelajar	23
	2.5.2 Institusi Pengajian Tinggi	25
	2.5.3 Negara	27
2.6	Komponen-Komponen Dalam Kokurikulum	
	2.6.1 Badan Beruniform	29
	2.6.2 Kelab Dan Persatuan	29
	2.6.3 Sukan Dan Permainan	30
2.7	Pelaksanaan Kokurikulum Di Politeknik	31

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Sumber Data	
	3.3.1 Data Primer	37
	3.3.2 Data Sekunder	37
3.4	Populasi Kajian	38
3.5	Instrumen Kajian	39
3.6	Kaedah Analisis Kajian	
	3.6.1 Kajian Rintis	42
	3.6.2 Kaedah Analisis Data	42
3.7	Batasan Kajian	43

BAB IV REKABENTUK PRODUK

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Reka Bentuk Produk	44
4.2.1	Pendahuluan	45
4.2.2	Butiran diri pelajar	46
4.2.3	Penilaian Semester Satu : Polibriged (R1001)	46
i.	Kehadiran	46
ii.	Kawad	47
iii.	Kemahiran Menyelamat	48
iv.	Pengurusan Diri Dan Jati Diri / Sikap Dan Sahsia	49
4.2.4	Pengisian Jadual Pemarkahan Semester Satu (R1001)	49
4.2.5	Semester Dua : Kelab / Sukan / Badan Beruniform (R2001)	
i.	Butiran Mata Pelajaran Kokurikulum	50
ii.	Kehadiran	51
iii.	Amali / Projek / Kemahiran	51
iv.	Ujian	51
v.	Jawatan / Penglibatan	52
4.2.6	Pengisian Jadual Pemarkahan Semester Dua R2001	53
4.3	Penggunaan Formula	54
4.4	Pemberian Gred Pelajar	55
4.5	Pengesahan	56



BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	57
5.2	Analisis Dapatan Kajian	
5.2.1	Demografi Responden	58
5.2.2	Kaum	59
5.2.3	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kokurikulum	60
5.3	Analisis Menggunakan Skor Min	61
5.3.1	Mengkaji Penggunaan Penilaian Kokurikulum Sedia Ada	61
5.3.2	Mengenalpasti Kesesuaian Borang Penilaian Kokurikulum	
A.	Bahasa	62
B.	Format	63
C.	Pemarkahan	64
D.	Kesesuaian Produk	65
5.3.3	Mengenalpasti Kelemahan dan Penambahbaikan Yang Perlu Dilakukan	66
5.4	Kesimpulan	68



BAB VI KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	69
6.2	Kesimpulan	
6.2.1	Dapatan Analisis Terhadap Penggunaan Penilaian Kokurikulum Sedia Ada	70
6.2.2	Dapatan Analisis Dalam Mengenalpasti Kesesuaian Borang Penilaian Kokurikulum	
A.	Bahasa	71
B.	Format	71
C.	Pemarkahan	72
D.	Kesesuaian Produk	73
6.2.3	Dapatan Analisis Terhadap Pandangan Responden Berkenaan Borang Penilaian Kokurikulum Pengkaji	74
6.3	Cadangan	
6.3.1	Pelajar	74
6.3.2	Tenaga Pengajar / Pensyarah Kokurikulum	76
6.3.3	Unit Kokurikulum Politeknik	77
6.3.4	Kajian Lanjutan	79
6.3.5	Cadangan Dalam Memperbaiki Produk Yang Dihasilkan	81
6.4	Penutup	82
	RUJUKAN	83
	LAMPIRAN	
	Lampiran A – G	89



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Komponen Kokurikulum Semester 2	33
Jadual 3.1 :	Skala likert yang digunakan dalam borang Soal selidik.	41
Jadual 3.2	Taburan Skor Min	43
Jadual 4.1	Penetapan Markah Kehadiran Pelajar	47
Jadual 4.2	Jadual Pemarkahan Bagi Semester Pertama R1001	50
Jadual 4.3	Jadual Pemarkahan Dari Aspek Jawatan	52
Jadual 4.4	Jadual Pemarkahan Dari Aspek Penglibatan	53
Jadual 4.5	Jadual Pemarkahan Bagi Semester Kedua R2001	54
Jadual 4.6	Kriteria Penilaian Dan Formula	55
Jadual 4.7	Gred Pencapaian Pelajar	56
Jadual 5.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	58
Jadual 5.2	Pecahan Responden Mengikut Kaum	59
Jadual 5.3	Bilangan Tahun Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kokurikulum	60
Jadual 5.4	Taburan Skor Min	61
Jadual 5.5 :	Mengkaji Penggunaan Penilaian Kokurikulum Sedia Ada	62
Jadual 5.6	Mengenalpasti Kesesuaian Borang Penilaian Kokurikulum Mengikut Item Bahasa	63

Jadual 5.7	Mengenalpasti Kesesuaian Borang	64
	Penilaian Kokurikulum Mengikut Item Format	
Jadual 5.8	Mengenalpasti Kesesuaian Borang	65
	Penilaian Kokurikulum Mengikut Item	
	Pemarkahan	
Jadual 5.9	Mengenalpasti Kesesuaian Borang	66
	Penilaian Kokurikulum Mengikut Item	
	Kesesuaian Produk	
Jadual 5.10	Pendapat Responden Mengenai Produk	67



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Model Penilaian Kokurikulum	12
Rajah 5.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	58
Rajah 5.2	Pecahan Responden Mengikut Kaum	59
Rajah 5.3	Bilangan Tahun Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kokurikulum	60



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Analisis Terhadap Penggunaan Penilaian Kokurikulum Sedia Ada	89
B	Borang Surat Akuan	92
C	Borang Soal Selidik	94
D	Analisis Alpha Cronbach Bagi Kajian Rintis.	99
E	Dokumen Kurikulum : Kokurikulum	100
F	Borang Penilaian Kokurikulum	113
H	Keputusan Analisis Statistik	119
I	Surat Pengesahan Produk	129



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Keutuhan sesebuah negara bergantung kepada intipati yang terkandung didalamnya seperti masyarakat, budaya dan suasana keharmonian yang dinikmati mereka. Pada masa yang sama, masyarakat dianggap sebagai tunjang utama dalam menentukan jatuh bangun sesebuah negara sam ada dari segi ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Berlandaskan keperluan tersebut Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pembentukan sebuah negara yang bersatu padu, maju dan menekankan pembinaan masyarakat yang demokratis, liberal, adil dan saksama ekonominya serta mempunyai daya ketahanan yang utuh bersama nilai-nilai moral yang baik perlu dijana sejak dari awal lagi (Utusan Malaysia, April 2001). Dalam saranan yang sama juga, Perdana Menteri turut mensasarkan bahawa menjelang tahun 2020, negara Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju di kawasan Asia. Maka, remaja dan generasi muda sekarang yang kebanyakannya terdiri daripada golongan pelajar adalah sasaran utama dalam membina generasi cemerlang berikutan remaja merupakan bakal pemimpin yang akan melaksanakan matlamat Wawasan 2020 (Sezali Din, 1993).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pelaksanaan sistem pendidikan negara kita sering berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Bermula dengan pelaksanaan KBSR dan KBSM pada tahun 1980-an dan sehinggalah kepada dasar meritokrasi seperti sekarang, sistem pendidikan kebangsaan sering diuji dengan pelbagai masalah yang melibatkan pelajar seperti penyalahgunaan dadah, gengsterisme, aktiviti peras ugut, pelacuran dan sebagainya. Semua permasalahan ini adalah berkait rapat dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan samada pelaksanaannya yang tidak tekal, kegagalan sistem dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar ataupun kegagalan pihak pendidik iaitu guru dalam menyalurkan ilmu yang bersifat dualisme iaitu melahirkan pelajar yang “ulat buku” dan pada masa yang sama membentuk generasi serba boleh dan seimbang dari segi kecerdasan rohani, jasmani, dan daya intelek. Segala permasalahan yang melibatkan pelajar ini adalah serius memandangkan pelajar adalah bakal pemimpin pada masa hadapan.

Sistem pendidikan telah dirombak beberapa kali agar bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa negara. Dasar pendidikan pernah mengamalkan pengambilan pelajar ke sekolah berasrama penuh (SBP) dan pusat pengajian tinggi berteraskan kecemerlangan dua perkara, akademik dan kokurikulum. Namun ia gagal mempamerkan pencapaian pelajar secara keseluruhan dalam bidang akademik dan kokurikulum kerana pelajar yang cemerlang akademik telah terlepas peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka (Salina Ibrahim, 2002)(b).

Sehubungan dengan permasalahan itu, Tan Sri Muda Mohamad telah mencadangkan untuk memansuhkan kriteria pencapaian dalam aktiviti kokurikulum sebagai kelebihan bagi pemilihan pelajar ke insititusi pengajian tinggi awam mulai tahun ini (Salina Ibrahim, 2002)(a). Berdasarkan saranan ini, Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Prof. Datuk Dr. Sahol Hamid menyatakan masalah baru akan timbul sekiranya penekanan kepada aspek akademik semata-mata sehingga ia boleh menghasilkan pelajar yang pasif dan berkeperibadian

lemah dalam pelbagai aspek kehidupan seperti tidak bijak bergaul, tiada memiliki daya saing yang tinggi, kurang bersikap prihatin, kurang semangat bekerjasama dan kehilangan pelbagai nilai sihat yang cuba dibentuk melalui kegiatan kokurikulum selama ini (Syuhada Choo Abdullah, 31 Mac 2001)(c).

Sehubungan dengan itu, satu formula yang bersesuaian perlu diterbitkan dalam menyelesaikan masalah ini. Penekanan kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum di pusat pengajian tinggi telah mula ditekankan secara bersungguh-sungguh. Ini berdasarkan usaha yang digembleng oleh Sekretariat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP) untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dalam bentuk jam kredit, kegiatan kokurikulum dan penilaian kokurikulum (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(d). Sebagai tambahan kepada usaha berkenaan, Sekretariat ini juga akan memikirkan secara serius aspek pembangunan sukan di peringkat kampus. Ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada pelajar yang berminat untuk meneruskan kegiatan kokurikulum mereka di peringkat sekolah menengah kepada peringkat pengajian tinggi.

Sehubungan dengan itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah satu melakukan anjakan paradigam dalam kurikulum tersembunyi (kokurikulum) ini dengan mewajibkan semua pelajar ijazah pertama menyertai kegiatan kokurikulum sebagai sebahagian daripada syarat untuk bergraduasi mulai Sesi Akademik Mei 2001/2002 (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(d). Namun begitu, bagi Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sudah lama diwajibkan sebagai syarat penganugerahan ijazah bagi para pelajar mereka. Manakala di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, galakan pembabitian pelajar dalam kegiatan kokurikulum turut dititikberatkan kerana setiap institusi ini menggalakkan pelajar mereka aktif dalam kokurikulum dan cuba menyumbang kepada masyarakat setempat (Berita Harian, 25 Mei 2002).

1.3 Pernyataan Masalah

Seringkali pemilihan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke sekolah berasrama penuh (SBP), pusat matrikulasi ataupun universiti-universiti tempatan adalah berasaskan kepada kriteria pencapaian akademik dan kegiatan kokurikulum. Namun begitu, bagi pengambilan pelajar ke pusat pengajian tinggi awam (IPTA) bagi sesi akademik 2002/2003 pemilihan pelajar akan menggunakan kaedah merit iaitu kaedah yang mengambil kira pencapaian akademik sepenuhnya. Sistem baru ini adalah lanjutan kepada kaedah yang telah digunakan sejak sesi 1996/1997 iaitu pencapaian pelajar akan dinilai berdasarkan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum (Salina Ibrahim, 7 Ogos, 2002)(a). Berikutan dengan dasar baru ini, pelaksanaan kokurikulum kelihatan tidak begitu dititberatkan berbanding dasar lama yang sedikit sebanyak masih lagi cuba menyeimbangkan pencapaian akademik pelajar dan juga pencapaian bukan akademik (yang melibatkan kegiatan luar bilik darjah itu seperti aktiviti kokurikulum).

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di peringkat pusat pengajian tinggi akan terus dijalankan oleh pihak berkenaan seperti Pusat Kokurikulum atau Hal Ehwal Pelajar (Mohd. Feroz Abu Bakar, 9 Jun 2001)(a). Pelajar digalakkan terlibat dengan kegiatan luar kuliah ini agar mereka boleh mengembangkan dan menyuburkan bakat dan minat mereka dalam pelbagai bidang minati. Namun begitu, penglibatan mereka dalam kegiatan ini tidak memberikan pulangan atau kelebihan kepada mereka selain daripada kesihatan fizikal, kepuasan melaksanakan tanggungjawab dan memperoleh pengalaman. Ini turut dinyatakan oleh Dr. Sidek Baba dalam Mohd Feroz Abu Bakar, (9 Jun 2001)(a), pembabitan pelajar dalam aktiviti luar kuliah tidak diambil kira dalam penganugerahan ijazah sedangkan aspek ini membawa bahagian yang penting dalam ketrampilan seorang graduan. Tetapi telah wujud institusi pengajian tinggi awam yang mensyaratkan pelajarannya menjalani kegiatan kokurikulum untuk tujuan pengijazahan seperti Universiti Utara Malaysia dan Universiti Perguruan Sultan Idris.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan luar bilik darjah atau bilik kuliah ini adalah bertujuan untuk membentuk keperibadian dan ketrampilan, menjana daya intelek yang tinggi, menanamkan daya kepimpinan dalam diri dan sebagainya (Syuhada Choo Abdullah, (26 Oktober, 2001)(b). Berdasarkan masalah pengangguran yang pernah berlaku beberapa tahun lepas kepada graduan - graduan lepasan universiti, mereka ini gagal menempatkan diri dalam sektor pekerjaan adalah disebabkan faktor mereka sendiri yang tidak mampu mempamerkan kelebihan dan kemampuan yang dimiliki mereka. Menurut Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, graduan yang baik dan berkualiti adalah graduan yang mendengar, bekerjasama dengan rakan yang lain, menghormati orang lain, berkeyakinan dalam apa jua situasi, prihatin terhadap ketelitian, semangat bekerja berpasukan dan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan (Rohana Ibrahim, 7 Ogos, 2002). Segala kemahiran-kemahiran ini tidak boleh diperolehi berdasarkan kehadiran di kuliah dan di kelas semata-mata, tetapi boleh dibina melalui penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

Melalui dapatan pengkaji juga (rujuk LAMPIRAN A), pengkaji telah memperoleh dapatan yang menunjukkan penggunaan penilaian kokurikulum sedia ada tidak memenuhi keperluan yang diperlukan dan dikehendaki pelajar dan pihak majikan. Penilaian sedia ada juga gagal memberikan penilaian yang terbaik kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, kaedah penilaian yang terbaik dalam mengukur kualiti seorang graduan melalui keanggotaan dalam kegiatan kokurikulum perlu dihasilkan agar majikan boleh melihat wujudnya keseimbangan di antara pencapaian akademik graduan dan pencapaian lain seperti memiliki sahsiah diri yang cemerlang, kemahiran interaksi yang baik, mempunyai daya saing yang tinggi, berkemampuan bekerja secara berpasukan dan menguasai pelbagai kemahiran kompetitif lain (Rohana Ibrahim, 7 Ogos, 2002).

Penilaian kokurikulum sedia ada juga tidak mempamerkan penilaian yang setimpal dengan penilaian akademik pelajar. Menurut Dr. Sidek Baba, penyusunan semula penilaian pelajar yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum perlu dinilai oleh pensyarah sama seperti penilaian yang telah mereka lakukan dalam penilaian

akademik (Mohd. Feroz Abu Bakar, 9 Jun 2001)(a). Dalam sesetengah kes, pelajar tidak dinilai dengan cara yang betul sehinggakan menjejaskan peluang mereka untuk menempatkan diri di pusat pengajian tinggi yang dihasratkan. Dalam konteks ini, satu sistem khas perlu dibentuk bagi membolehkan pihak berkenaan membuat pemarkahan dan penilaian yang lebih berkesan agar tidak ada pelajar yang teraniaya (Syuhada Choo Abdullah, 31 Mac 2001)(c). Dan pada masa yang sama juga, penilaian ini akan membantu pelajar yang telah mengorbankan masa belajarnya dalam menaikkan nama sekolah atau universiti terutamanya dalam kegiatan kokurikulum memperolehi kredit yang setimpal dengan penyertaan mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh Prof. Datuk Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, pembabitan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sewajarnya dinilai oleh pensyarah seperti mana mereka melakukan penilaian akademik agar kegiatan mereka secara tidak langsung memberikan pulangan yang setimpal dengan usaha yang telah mereka curahkan (Syuhada Choo Abdullah, 11 Oktober, 2002)(a).

Berhubung dengan pernyataan masalah di atas, maka pengkaji ingin mencadangkan satu produk yang diharapkan boleh membantu menyelesaikan masalah penilaian pelajar dalam kegiatan kokurikulum iaitu dengan menggunakan Borang Penilaian Kokurikulum.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.4 Objektif Kajian

Bagi memudahkan pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menetapkan 3 objektif agar kajian ini tidak tersasar dari matlamat utamanya iaitu:

- 1.4.1 menghasilkan Borang Penilaian Kokurikulum bagi tujuan menilai kesesuaian penggunaannya.
- 1.4.2 mendapatkan maklumbalas mengenai Borang Penilaian Kokurikulum yang dihasilkan dari segi bahasa, format, pemarkahan dan kesesuaian produk.
- 1.4.3 mengenalpasti kesesuaian pelaksanaan Borang Penilaian Kokurikulum menggunakan rekabentuk yang dihasilkan.

1.5 Persoalan Kajian

Melalui hasil kajian yang dilaksanakan, pengkaji telah memperolehi jawapan kepada 3 persoalan kajian iaitu :

- 1.5.1 adakah penggunaan penilaian sedia ada berkesan dan tidak mengalami masalah?
- 1.5.2 adakah borang yang dihasilkan pengkaji memenuhi elemen-elemen seperti penggunaan bahasa, kesesuaian format yang digunakan, kaedah pemarkahan dan kesesuaian produk?
- 1.5.3 adakah terdapat kelemahan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan pengkaji agar produk yang dihasilkan boleh digunapakai oleh mana-mana politeknik?



1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini adalah diharapkan dapat memberikan input kepada pihak-pihak berkenaan seperti pelajar, tenaga pengajar / pensyarah kokurikulum di politeknik, Unit Kokurikulum Politeknik, Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia

1.6.1 Pelajar – pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Penggunaan borang penilaian adalah diharapkan dapat mengukuhkan maklumat akademik pelajar semasa ingin mendapatkan pekerjaan. Maklumat kokurikulum ini penting terutama bagi pelajar yang akan menamatkan pengajian di politeknik masing-masing dan akan mendapatkan pekerjaan (LAMPIRAN A). Maklumat kokurikulum ini seharusnya dapat mempamerkan kepada para majikan kemampuan, kebolehan dan kelebihan yang ada pada seseorang individu pelajar berkenaan. Oleh kerana borang ini menggunakan bentuk penilaian yang sama seperti gred mata pelajaran akademik (A, B+ dan sebagainya), maka persepsi majikan terhadap kecemerlangan pelajar adalah seimbang. Dengan adanya penilaian dari tenaga pengajar / pensyarah kokurikulum ini, maka pelajar berkenaan merangkumi nilai-nilai afektif, kognitif dan psikomotor di mana ketiga-tiga komponen ini penting dalam membentuk pekerja yang berkualiti (Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, (2002)

1.6.2 Tenaga Pengajar / Pensyarah Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Penilaian oleh tenaga pengajar / pensyarah kokurikulum terhadap pelajar-pelajar akan memberikan satu peluang kepada mereka untuk menambahkan pengalaman, mempelbagaikan kemahiran selain daripada mengajar, tataraca

pengurusan dan pentadbiran organisasi dan sebagainya. Ini kerana pembelajaran tidak seharusnya terhad dalam bilik darjah sahaja kerana proses pengajaran dan pembelajaran berada dalam keadaan formal dan terkongkong (Omar mohd. Hashim, 1993). Melalui penilaian yang dilakukan terhadap pelajar dalam gerak kerja kokurikulum ini secara tidak langsung memberi maklumbalas kepada diri sendiri samada mereka berjaya merealisasikan objektif pelaksanaan kokurikulum di politeknik berkenaan.

1.6.3 Unit Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di politeknik bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan potensi diri dan minat dalam kegiatan yang diceburi. Justeru itu, prestasi pelajar dalam Borang Penilaian berkenaan sesuai sebagai indikator dalam mengukur kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di politeknik ini.

1.6.4 Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional

Kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum dinilai melalui pencapaian setiap pelajar. Oleh itu, penggunaan Borang Penilaian Kokurikulum ini akan membantu Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam menilai keberkesanan kurikulum yang digubal dan kemampuan pelajar dalam melahirkan individu yang berkeترampilan, mempunyai sifat kepimpinan, inovatif, kreatif dan jati diri yang jitu seiring dengan kehendak negara.

1.6.5 Kementerian Pendidikan Malaysia

Menjadi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menjadikan pelajar sebagai wargenagara yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Untuk itu, kejayaan sesuatu matlamat dan dasar pendidikan yang digubal setiap beberapa tahun akan dinilai berdasarkan pencapaian cemerlang pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum. Sehubungan dengan itu, melalui dapatan ini adalah diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan dalam mencipta formula untuk meningkatkan kualiti pelajar pada masa akan datang agar keseimbangan pencapaian dari segi akademik dan kokurikulum tercapai.

1.7 Batasan Kajian

Pemilihan lokasi kajian di Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'adzam adalah disebabkan pertimbangan berikut:

- i. lokasinya yang berdekatan dengan kediaman pengkaji.
- ii. pengkaji boleh melaksanakan kajian semasa cuti semester tanpa perlu mengganggu pengajian pengkaji.
- iii. jarak yang dekat memudahkan untuk pengkaji berulang alik ke tempat kajian bagi tujuan mendapatkan maklumat dan mengutip data.
- iv. pengkaji tidak menggunakan pelajar sebagai responden, maka pengkaji tidak perlu melaksanakan kajian sewaktu tempoh pengajian pelajar. Ini boleh mengelakkan pengkaji mengganggu waktu pengajaran dan pembelajaran pensyarah.


1.8 Model Penilaian

Berpandukan model Norman E. Gronlund iaitu "*Role Of Assessment Feedback*" pengkaji mendapati bahawa kaedah penilaian yang diamalkan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan pengkaji. Untuk itu, pengkaji telah mengubahsuai model berkenaan dan disesuaikan dengan tujuan kajian serta dapatan yang diharapkan pengkaji. Berdasarkan Jadual 1.1 berkenaan, pencapaian pelajar dalam komponen-komponen kokurikulum akan dinilai menggunakan Borang Penilaian Kokurikulum. Borang yang dihasilkan ini akan dijadikan landasan dalam menilai keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di politeknik dalam menggabungkan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan keadaan sebenar agar penghasilan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang tercapai.

Bagi semester satu, penilaian akan dilakukan dari segi kehadiran, pertandingan kawad kaki yang diadakan, amali semasa latihan kemahiran menyelamat dan bagaimana pelajar mengurus diri, jati diri/sikap dan sahsiah sepanjang semester. Penglibatan mereka dalam Polibriged adalah diwajibkan dan mereka dimestikan lulus bagi membolehkan mereka menyambung kokurikulum mereka di semester dua.

Semasa di semester dua pula, pelajar diberi kebebasan memilih aktiviti kokurikulum yang diminati berdasarkan tiga komponen utama iaitu badan beruniform, kelab dan persatuan atau sukan dan permainan. Setiap kriteria penilaian bagi tiga komponen utama adalah seragam iaitu kehadiran, amali/projek atau kemahiran, ujian dan jawatan dan penglibatan dalam setiap aktiviti yang diceburi.

Penilaian keseluruhan pelajar akan diberikan menggunakan formula yang dinyatakan dalam Borang penilaian berkenaan dan kemudian tenaga pengajar / pensyarah berkenaan akan meletakkan skor pelajar berkenaan berdasarkan jumlah markah yang diperolehi dan gred yang telah disertakan.



Rajah 1.1 Model Penilaian Kokurikulum
(diubahsuai daripada model "Role Of Assessment Feedback" – Norman E. Gronlund)

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kokurikulum

Kokurikulum lebih jelas didefinisikan sebagai aktivitas atau kegiatan di luar bilik darjah atau di sekolah atau institusi pendidikan seperti sukan permainan, badan beruniform dan kelab dan persatuan yang dilakukan di luar waktu persekolahan serta dianjurkan oleh pihak sekolah (Sumarni Dahir dan Borhan Yusof, 2002). Manakala Kamus Dewan Edisi Ketiga hlm. 692 pula mentafsirkan kokurikulum sebagai sebahagian daripada kurikulum asas iaitu kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan di dalam bilik darjah tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan di sekolah. Makna yang hampir sama turut dinyatakan oleh Stage dan Manning (1992, hlm.65) dalam buku "Planning The Co-Curricular Component" iaitu "*co-curricular activity is any activity that takes place outside the college or classroom*".

Menurut Robiah Sidin (1994), aktiviti kokurikulum bertujuan untuk memperkukuhkan dan memperluaskan kurikulum formal terutama dari segi pemupukan nilai sensitiviti terhadap keperluan dan kepercayaan masyarakat dan membina sifat-sifat yang boleh membawa ke arah perpaduan negara serta menghasilkan tenaga rakyat yang mahir dan terlatih. Secara terperinci pula, Ab. Alim Abdul Rahman (1994) mendefinisikan kokurikulum ialah aktiviti yang dijalankan di luar bilik dajah yang melibatkan permainan, kelab/persatuan dan badan beruniform. Aktiviti kokurikulum lebih kepada menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan lain-lain. Secara khususnya, kokurikulum ialah satu kegiatan luar bilik kuliah dan melibatkan aktiviti seperti sukan dan permainan, badan beruniform dan kelab dan persatuan (Ramlah Abd. Wahab, 1999).

1.9.2 Penilaian

Penilaian akan dilakukan bagi tujuan mengenalpasti samada objektif atau matlamat yang ditetapkan pada awal perancangan tercapai atau tidak. Penilaian menurut Mohd. Najib Ghafar (1996) ialah satu proses sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisan dan penginteprestasian keterangan mengenai tahap pencapaian seseorang pelajar berbanding objektif awal sesuatu proses. Penilaian membolehkan pihak-pihak berkenaan seperti Unit Kokurikulum dan Hal Ehwal Pelajar Politeknik contohnya, mengetahui kelemahan yang perlu diperbaiki, kekuatan yang perlu dipertingkatkan dan seterusnya mengukur prestasi pelajar sama ada telah mencapai tahap dan matlamat aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan. Ini selaras dengan pernyataan Haji Wan Azmi Ramli (2001), penilaian boleh memberi kesempatan kepada pihak berkenaan untuk mentaksir dan menentukan sejauh mana ia telah mencapai segala matlamatnya



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pendahuluan

Kokurikulum merupakan satu aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah dan dianggap pelengkap kepada kehendak dan keperluan Falsafah Pendidikan Negara dalam mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Aktiviti kokurikulum menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang pernah dipelajari di dalam bilik darjah (Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, 2002).

Kokurikulum lebih terarah kepada satu bentuk yang dijalankan di luar bilik darjah. Menurut Abu Bakar Nordin (1991), kokurikulum lebih mirip kepada aktiviti lanjutan kepada mata pelajaran lain dan diintegrasikan secara praktikal semasa menjalankan gerak kerja kokurikulum dalam bentuk gunaan. Kenyataan ini juga adalah hampir sama dengan pernyataan yang ditulis oleh Ab. Alim Abdul Rahman (1998) iaitu kurikulum adalah bersifat teoritikal dan dilaksanakan dalam bilik darjah sedangkan kokurikulum adalah sebaliknya.

Kebanyakan aktiviti kokurikulum yang dijalankan bertujuan memberikan sumbangan yang positif terhadap perkembangan seorang pelajar itu sendiri seperti kebolehan dan potensi tertentu dalam bidang rohani, kognitif, afektif dan psikomotor. Selain itu, kokurikulum juga banyak membentuk sahsiah diri yang kental, memupuk nilai-nilai kemasyarakatan dan secara tidak langsung mendedahkan pelajar dengan sikap kepimpinan dan menerima serta melaksanakan tanggungjawab. (Mohd. Sofian et.al, 2002).

2.2 Falsafah Kokurikulum

Falsafah Pendidikan Negara ialah untuk menghasilkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Manakala falsafah kokurikulum pula adalah sebahagian daripada intipati dalam Falsafah Pendidikan Negara. Gerak kerja kokurikulum adalah satu kursus dalam pengajian di sekolah dan ia sememangnya sudah termaktub di dalam peraturan sekolah 1956 dan Akta Pelajaran 1961. Berdasarkan keperluan dan kepentingan kokurikulum ketika itu, maka terasalah falsafah gerak kerja kokurikulum dengan kepercayaan bahawa:

1. semua murid mempunyai bakat dan minat yang boleh dimajukan.
2. semua murid boleh dididik dan mendidik diri sendiri dan rakan sebaya.
3. semua murid harus mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental (intelekt) dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani.
4. sekolah bertanggungjawab melahirkan murid untuk keperluan masyarakat.
5. masyarakat juga bertanggungjawab dan boleh memainkan peranan dalam mendidik murid.

(Ab. Alim Abdul Rahman, 1998)

2.3 Matlamat Kokurikulum

Berkesinambungan kepada falsafah gerak kerja kokurikulum, matlamat kokurikulum juga adalah seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Sehubungan dengan itu, matlamat kokurikulum perlulah memenuhi 8 bentuk pengisian yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Perimbangan intelek dengan jasmani, rohani dan emosi.
- ii. Mengenalkan aktiviti rekreasi untuk mengisi masa lapang.
- iii. Mengajar kemahiran hidup seperti kepimpinan, kemahiran sosial dan kemasyarakatan.
- iv. Memberi pengukuhan kepada pendidikan formal yang dipelajari dalam kelas.
- v. Menyemai perasaan muhibah, perpaduan dan integrasi nasional di kalangan generasi muda.
- vi. Meningkatkan disiplin pelajar.
- vii. Menjadikan sekolah sebagai satu tempat yang menarik dan menyeronokkan.
- viii. Menyemai nilai-nilai pendidikan dalam gerak kerja kokurikulum.

(Ab. Alim Abdul Rahman, 1998)

Sehubungan dengan matlamat di atas, pelaksanaan segala aktiviti seharusnya berpandukan bagaimana untuk mencapai segala matlamat di atas. Bagi tujuan berkenaan, pihak guru, pelajar, ibu bapa, sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertahanan, Polis Di Raja Malaysia, Biro Tatanegara, Badan-Badan Induk Pasukan Pakaian Seragam, Kelab/Persatuan Khidmat Masyarakat, Sukarela, Seni Bela Diri dan sebagainya haruslah saling bekerjasama antara satu sama lain (Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Cawangan Negeri Sembilan, 2003). Selain itu, dengan penglibatan pelbagai pihak dan sokongan yang padu dari ibu bapa, maka objektif Kementerian Pendidikan dalam membentuk pelajar yang benar-benar bersikap positif, berketrampilan, berakhlak mulia, berdisiplin dan boleh mengatasi sebarang cabaran dalam semua keadaan akan menjadi kenyataan

Pelaksanaan gerak kerja kokurikulum umumnya dilaksanakan dalam dua peringkat utama iaitu peringkat sekolah dan peringkat insititusi pengajian tinggi (IPTA).

2.4.1 Peringkat Sekolah

Aktiviti kokurikulum telah lama diperkenalkan dan dilaksanakan dalam sistem pendidikan di negara kita iaitu sejak zaman pemerintahan British lagi. Pelaksanaan aktiviti luar bilik darjah dilaksanakan mengikut kurikulum yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan (Ab. Alim Abdul Rahim, 1998). Walaupun begitu, pelaksanaannya tidak begitu mendalam seperti mana di peringkat institusi pendidikan tinggi. Gerak kerja di peringkat sekolah rendah lebih mirip kepada bentuk pendidikan dan pengetahuan am seperti penubuhan Persatuan atau Kelab Rekreasi, Alam Manusia, Sains dan Matematik, Pengakap, Pandu Puteri dan sebagainya (Che Azizi Jaafar dan Aminuddin Yusof, 2002). Pendedahan asas ini pada masa yang sama akan cuba mencungkil bakat atau kebolehan pelajar yang tidak pernah mereka sedari. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar-pelajar ini dalam mengetengahkan kelebihan yang mereka miliki ke peringkat yang lebih tinggi (Syuhada Choo Abdullah, 26 Oktober, 2001)(b).

Sehubungan dengan kepentingan yang begitu mendesak terutama bagi individu yang terlibat, maka dasar serta pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah telah dirangka dan diwujudkan dalam sistem pendidikan negara. Dalam Undang-Undang Pelajaran 1952 dan Peraturan Kursus Pengajian, Akta Pelajaran 1956 (Laporan Jawatankuasa Kabinet : Dasar Pelajaran 1979), penegasan pelaksanaan aktiviti kokurikulum telah diperjelaskan secara terperinci (Che Aziz Jaafar dan Aminuddin Yusof, 2002). Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet : Dasar Pelajaran 1979, terdapat peraturan yang telah memperuntukkan satu jangka masa bagi tujuan

menjalankan aktiviti yang mirip kepada kegiatan kokurikulum tetapi ia dinamakan Kegiatan Kumpulan. Pada tahun 1985 pula, Surat Pekeliling Ikhtisas 1/1985 telah dikeluarkan dengan arahan bahawa semua pelajar diwajibkan mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu kelab atau persatuan, satu kegiatan sukan dan permainan dan satu kegiatan badan beruniform (Laporan Jawatankuasa Kabinet : 1979, dalam (Ab. Alim Abdul Rahim, 1998).

Menurut Pekeliling yang sama (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985), antara lain matlamat gerak kerja kokurikulum ialah melibatkan penyertaan guru dan pelajar dengan guru diberi tanggungjawab untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah menggariskan aktiviti dan kegiatan kokurikulum di peringkat sekolah perlulah dilaksanakan dengan berasaskan angapan :

- i.. perkembangan semua murid / pelajar harus seimbang di segi mental/intelek dan di segi rohani, jasmani dan emosi.
- ii. bakat dan minat semua murid/pelajar boleh dimajukan.
- iii. semua murid/pelajar boleh dididik dan boleh pula mendidik diri sendiri dan orang lain.
- iv. sekolah berperanan mendidik murid/pelajar dengan tujuan melahirkan ahli masyarakat yang berguna dan diperlukan dalam memajukan institusi kemasyarakatan.
- v. masyarakat juga bertanggungjawab mendidik murid/pelajar bagi membentuk masyarakat yang progresif.

(Gerak Kerja Kokurikulum dalam Ab. Alim Abdul Rahim 1998)

Melalui pelaksanaan kokurikulum di peringkat sekolah rendah atau menengah, banyak kebaikan yang boleh dijana daripada setiap kegiatan antaranya ialah merapatkan tali silaturahim sesama pelajar dan guru, menambahkan kemesraan dan kefahaman antara satu sama lain dan interaksi yang lebih akrab di kalangan ahli daripada pelbagai etnik (Che Azizi Jaafar dan Aminuddin Yusof, 2002).

2.4.2 Peringkat Institusi Pengajian Tinggi.

Menurut Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002), gerak kerja kokurikulum mempunyai banyak nilai pendidikan yang boleh disemai dan dibentuk, dipupuk dan disemai secara langsung dan tidak langsung ke dalam diri murid, pelajar, mahasiswa dan malahan guru pelatih di pusat latihan perguruan. Pada peringkat institut pengajian tinggi awam dan swasta, objektif kokurikulum lebih terperinci dan menghusus kepada satu matlamat jangka panjang. Pendedahan sejak dibangku sekolah rendah dan menengah akan disalurkan kepada cara yang lebih efektif seperti penyertaan pelajar diperingkat politeknik, maktab, universiti malahan mewakili negara sekalipun (Mohamad Isa Abdul Samad, www.ko-kurikulum.com, 2003)

Setengah universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan beberapa universiti tempatan lain tidak mewajibkan kepada para pelajarnya menyertai kegiatan kokurikulum. Ini berlainan dengan Universiti Utara Malaysia yang mensyaratkan bahawa graduan yang gagal menamatkan jumlah kegiatan kokurikulum selama empat jam kredit tidak akan menerima ijazah mereka (Mohamad Azmi Ab. Rahman dan Alis Puteh .et.al, 1998). Situasi yang sama dikongsi oleh seluruh pelajar Politeknik dan bakal pendidik Universiti Perguruan Sultan Idris kerana syarat pengijazahan mereka adalah sama iaitu pelajar wajib mengambil mata pelajaran kokurikulum dan wajib lulus.

Kesedaran pentingnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum untuk menjana kepribadian pelajar yang positif telah mendorong Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mewajibkan pelajar baru mereka bagi sesi kemasukan Mei 2002 mengambil satu jam kredit tambahan dalam bentuk kegiatan kokurikulum sebagai sebahagian tambahan kepada jumlah jam kredit akademik yang sedia ada (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(a). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah berdasarkan syarat yang telah diperuntukkan oleh universiti, sebagai contoh Universiti Utara Malaysia telah menetapkan empat semester dengan

jumlah jam kredit 4, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula 2 jam kredit, semua politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia 2 jam kredit dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn pula 1 jam kredit. Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk memilih mana-mana kursus kokurikulum yang ditawarkan di setiap pusat pengajian mereka kecuali di politeknik (bagi semester satu)(Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 2002). Setiap politeknik akan mewajibkan pelajar semester satu menyertai kegiatan kokurikulum Polibriged tanpa ada pengecualian.

Tindakan mewajibkan pelajar semester satu di setiap politeknik menghadiri dan menyertai aktiviti Polibriged bertujuan untuk memberikan pendedahan pertama akan kepentingan menjaga keperibadian diri, sahsiah, disiplin dan pengurusan masa yang baik. Namun begitu, di semester kedua pula, pelajar diberi kebebasan untuk memilih tiga komponen utama unit kokurikulum iaitu kelab dan persatuan, badan beruniform atau sukan dan permainan (Adnan Aref, 2002). Bagi setiap institusi pengajian tinggi, bilangan kelab dan persatuan, badan beruniform atau sukan dan permainan bergantung kepada pihak Hal Ehwal Pelajar atau Pusat Kokurikulum atau Unit Kokurikulum masing-masing. Namun begitu, boleh dikatakan setiap insititusi berkenaan menawarkan kursus atau mata pelajaran yang hampir sama antara satu sama lain (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(a).

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di setiap pusat pengajian tinggi bergantung kepada satu pusat tanggungjawab yang telah diamanahkan di awal penubuhan institusi berkenaan. Di Universiti Utara Malaysia, kegiatan kokurikulum dikawal selia oleh Pusat Kokurikulum, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula oleh Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Akademik dan di Politeknik pula berada dibawah pengurusan samada Bahagian Kokurikulum (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), Unit Kokurikulum (Politeknik Ungku Omar) atau Unit Sukan dan Kokurikulum (Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah). Pengurusan ini akan diselia pula Jabatan Hal-Hal Pelajar atau Jabatan Hal Ehwal Pelajar si politeknik. Setiap bahagian atau pusat kokurikulum ini

bertanggungjawab dalam mengurus, membangun, mentadbir, menyelia dan memastikan perjalanan aktiviti kokurikulum yang dijalankan memenuhi objektif pelaksanaan kokurikulum (Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 2002). Selain daripada memastikan keberkesanan aktiviti kokurikulum dalam mendidik dan menjana pelajar yang berketrampilan, mempunyai sifat kepimpinan inovatif, kreatif dan jati diri yang jitu dalam diri pelajar, pihak pengurusan kokurikulum juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur seperti peralatan sukan, stadium, jurulatih bertauliah, modul pengajaran yang sentiasa dikemaskini mengikut keperluan pelajar dan kaedah penilaian yang bersesuaian (Syuhada Choo Abdullah, 2002)(a).

Walaupun bagi sesetengah IPTA lain yang tidak mewajibkan kegiatan kokurikulum kepada pelajar-pelajarnya, Dr. Anuwar Ali, Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia tetap memperingatkan para pelajarnya agar menjadi graduan yang cemerlang dalam bidang akademik dan juga berkemampuan memenuhi kehendak masyarakat sebagai pelajar yang mempunyai tanggungjawab (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(c). Kenyataan ini hampir sama dengan apa yang dimaksudkan oleh Timbalan Rektor HEP (UIAM), Prof. Madya Dr. Sidek Baba bahawa pengukuhan kegiatan kokurikulum di universiti akan mengembangkan atau menyuburkan bakat dan minat pelajar dalam aspek kesenian, kebudayaan, kesukanan dan rekreasi, berpersatuan serta kesedaran kemasyarakatan dan semangat sukarela di samping melahirkan pelajar yang mempunyai daya intelek yang tinggi (Mohd. Feroz Abu Bakar, 2002)(d).



2.5 Kepentingan Kokurikulum

2.5.1 Terhadap Pelajar

Pembentukan sahsiah yang cemerlang dan bernilai tinggi bergantung kepada diri individu itu sendiri iaitu bagaimana seseorang itu menggunakan peluang yang ada untuk membangunkan diri sendiri. Sehubungan dengan itu, Universiti Utara Malaysia telah menggariskan bahawa di akhir tempoh pengajian graduan mereka, sahsiah setiap lulusannya haruslah seimbang di antara keilmuan, kebudimanan, keimanan dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni (Mohamad Azmi Ab. Rahman dan Alis Puteh .et.al, 1998). Sokongan yang sama telah dinyatakan oleh Timbalan Pengarah Sekolah-Sekolah II, Ahmad Sani (1993) dalam Maslina Mohamad Arip dan Borhan Yusof (2002), kokurikulum juga memberi peluang kepada pelajar dalam memupuk bakat dan semangat juang yang tinggi, menyemai daya kepimpinan dan juga tahap kreativiti.

Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah atau di peringkat institusi pengajian tinggi tidak pernah merugikan kerana ia tidak mengabaikan atau mempengaruhi tahap kecerdasan dan kecerdasan minda pelajar malahan ia akan membantu proses pembentukan keperibadian mulia pelajar (Syuhada Choo Abdullah, 26 Oktober, 2001). Keperibadian mulia yang dimaksudkan ialah mematuhi peraturan, menghormati pemimpin, berdisiplin, semangat kekitaan, bekerjasama, tolong menolong, cergas, siap sedia dan cekap (Ida Maria Muzahar dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, 2002). Sikap lain yang juga dianggap mulia dan berpekerti adalah seperti bertimbang rasa antara satu sama lain, memupuk sikap bersatu padu dan rasa kekitaan antara kaum (Maslina Mohamad Arip dan Borhan Yusof, 2002).

Pembentukan dan pembinaan keinsanan individu dari segi sahsiah, disiplin, semangat berpasukan dan serta penerapan nilai murni di kalangan pelajar dipersetujui boleh dicapai dengan pelaksanaan program kokurikulum dengan

berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 2002). Sikap-sikap positif ini akan dapat menyingkirkan sifat pentingkan diri sendiri malahan memupuk semangat hormat kepada orang lain, bekerjasama dan memahami kepentingan perbincangan dalam mencapai matlamat yang sama. Secara tidak langsung pembentukan peribadi mulia di kalangan pelajar akan tercapai dan cabaran keempat wawasan 2020 iaitu membina masyarakat yang bermoral dan beretika dan warganegara yang mempunyai nilai keagamaan, keharmonian yang kukuh serta mendukung standard etika yang tinggi menjadi kenyataan (Zulzila Dzulkefli, 1998).

Kecemerlangan akademik yang baik adalah faktor utama yang sering dipandang tinggi oleh ibu bapa bagi setiap anak-anak mereka, namun mereka tidak mengetahui bahawa kecemerlangan itu mempunyai definisi yang dalam dua aspek yang berbeza. Menurut Rosadah Abd. Majid, (1998), kecemerlangan terdapat dalam dua konteks utama iaitu dari aspek kurikulum dan kokurikulum. Beliau menegaskan pelajar dikategorikan sebagai cemerlang kurikulum ialah apabila mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan peringkat sekolah dan kebangsaan manakala dalam aspek kokurikulum pula, pelajar dianggap cemerlang apabila menempa nama dalam bidang sukan, budaya atau pertandingan kuiz, pidato, dan sebagainya. Dengan itu, ibu bapa harus memikirkan bahawa kecemerlangan anak-anak mereka seharusnya wujud dalam dua bentuk ini iaitu kecemerlangan akademik dan kokurikulum.

Terdapat pandangan dari pihak ibu bapa khususnya yang menyatakan bahawa kegiatan kokurikulum memberi kesan negatif kepada anak-anak mereka terutamanya dalam bidang akademik. Ada juga pendapat tambahan yang menyatakan bahawa kegiatan kokurikulum adalah satu kegiatan yang membuang masa, meningkatkan perbelanjaan keluarga dan tidak penting sama sekali (kajian oleh Sanalonis, 1970 dalam Adnan Kamis, 1993). Namun begitu, banyak kajian yang menolak pandangan negatif bahawa kegiatan kokurikulum menurunkan pencapaian akademik pelajar atau tidak penting sama sekali. Ini berikutan kajian oleh Ceg, Jeroma dan Pihilips, 1971 dan Yusof Man, 1983 dalam Mohd. Sofian et.al (2002), menunjukkan pencapaian akademik tidak terjejas hanya kerana adanya penglibatan pelajar dalam aktiviti

Rujukan

- Ab. Alim Abdul Rahim, (1998). "Pengurusan Kokurikulum". Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin, (1991). "Kokurikulum Perspektif Dan Pelaksanaan". Kuala Lumpur : Pustaka Antara. Hlm. 288.
- Adnan Aref, (2002). "Unit Sukan dan Kokurikulum Politeknik Ungku Omar". Pusat kokurikulum. www.puo.unit_kokurikulum.com (dicapai pada 23 April 2003).
- Adnan Kamis, (1993). " Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Pandangan Dan Maklum Balas". Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob, (1997). "Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi". Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hassan Dawi, (2002). "Pentoeorian Sosiologi dan Pendidikan. Edisi Kedua. Perak : Quantum Books.
- Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, (Jun 2002). "Program Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia : Dokumen Kokurikulum". Kuala Lumpur : Bahagian Pengurusan Politeknik. DK/1/2M/2002.
- BERNAMA. "Kokurikulum Bantu Pencapaian Akademik". *Berita Harian* : 2 Mei 2002. www.cikgu.net (dicapai pada 16 Jun 2003).
- BERNAMA. "Naib Canselor Ingatkan Pelajar Baru UKM Aktif Ko-Kurikulum". *Berita Harian*: 25 Mei 2002.
- Che Azizi Jaafar dan Aminuddin Yusof, (2002). "Perlunya Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan Sekolah". Utusan & Publications Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

PTTAUTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Gronlund, E.N. (1998). "Assessment Of Student Achievement". 6th Edition. United State Of America : Allyn And Bacon.

Ida Maria Muzahar dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, (2002). "Gejala Sosial Mampu Dibanteras Melalui Kegiatan Kokurikulum". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Idris Awang, (2001). "Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan". Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1994). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 27.

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1988). "Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran". Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia. Percetakan Naz Sdn. Bhd. hlm. 91-97.

Lily Azura, (15 Mac, 1996). "Remaja Adalah Lambang Generasi Akan Datang Remaja". Kuala Lumpur : Karangraf. Sdn. Bhd. Hlm.27.

Lim Tung Fong dan Borhan Yusof, (2002). "Pendidikan Jasmani Pemangkin Kegiatan Kokurikulum : Ke Arah Membentuk Pelajar Yang Cergas Dan Cemerlang". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mahathir Mohamad, (2001, April 3). "Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga". Kuala Lumpur : *Utusan Malaysia*. Hlm. 1.

Maslina Mohamad Arip dan Borhan Yusof, (2002). "Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial Remaja". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mc Laughlin. S.P dan Kearney. G.W. (2001). "Planning The Co-Curricular Component". Wisconsin : University Of Wisconsin – Parkside.

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



Mohamad Azmi Ab. Rahman dan Ahs Puteh, et.al. (Disember 1998). "Pendidikan Kreativiti : Pengalaman Universiti Utara Malaysia". Universiti Utara Malaysia : Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik.

Mohamad Isa Abdul Samad. "Kokurikulum Bentuk Kecemerlangan Diri Generasi Akan Datang". www.ko-kurikulum.com. (dicapai pada 19 Julai 2003).

Mohamad Najib Abdul Ghafar, (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yusof Hj. Othman dan Khalijah Mohd. Salleh, (1992). Pendidikan Tinggi Sains : Ke arah Refomasi Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Feroz Abu Bakar (9 Jun, 2001)(a). "UIAM Wajibkan Kokurikulum". Kuala Lumpur: Berita Harian.

Mohd. Feroz Abu Bakar, (11 Oktober,2002)(b). "Pelajar Perlu Cemerlang Kurikulum, Kokurikulum". Kuala Lumpur: Berita Harian.

Mohd. Feroz Abu Baka, (28 Mei, 2002)(c). "Naib Canselor Ingatkan Pelajar Baru UKM Aktif Ko-Kurikulum". Kuala Lumpur: Berita Harian.

Mohd. Feroz Abu Bakar, (9 Jun, 2002)(d). "IPTA Setuju Selaras Kokurikulum". Kuala Lumpur: Berita Harian.

Mohd. Majid Konting, (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Ghafar, (1997). "Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah". Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Sofian Omar Fauzee *et.al.*, (2002). "Kokurikulum : Peranan dan Implikasi". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



Nurul Azilah Bunangi, (4 Julai 1994). "Kokurikulum Menyegarkan Otak". Dewan Siswa, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm.4.

Omar Mohd. Hashim, (1993). "Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian & Harapan". Kementerian Pendidikan Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Cawangan Negeri Sembilan, (2003). www.PusatKokurikulumNegeri.com. (dicapai pada 19 Julai 2003).

Pusat Kokurikulum Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, (2002). Buku Panduan dan Peraturan Kokurikulum. Batu Pahat, Johor : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, (2002). "Unit Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah". www.polimas.unit_kokurikulum.com. (dicapai pada 23 April 2003).

Pusat Kokurikulum Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, (2002). "Unit Kokurikulum Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah". www.polimas.unit_kokurikulum.com. (dicapai pada 17 Julai 2003).

Ramlah Abd. Wahab, (Mei 2, 1999). "Menilai Semula Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah". Kuala Lumpur : Berita Harian.

Rithuwan Nasir, (2000). "Laporan & Pemarkahan Aktiviti Kokurikulum SMK Putatan, Penampang, Sabah". www.laporankokurikulum.mySchool.net. (dicapai pada 19 Julai 2003).

Robiah Sidin, (1994). "Pemikiran dalam Pendidikan". Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rohana Ibrahim, (7 Ogos, 2002). "Graduan Gagal Tampil Kelebihan Diri". www.cikgu.net. (dicapai pada 17 Julai 2003).



PT TUN TUN AMINAH
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rosadah Abd. Majid, (1998). "Kecemerlangan Untuk Semua : Wawasan Pendidikan". Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salina Ibrahim, (7 Ogos, 2002)(a). "Akademik Syarat Total ke IPTA menjelang Sesi 2002/2003". www.cikgu.net. (dicapai pada 17 Julai 2003).

Salina Ibrahim, (11 Jun, 2002)(b). "Merit". www.cikgu.net. (Dicapai pada 17 Julai 2003).

Sezali Din, (Julai, 1993). "Remaja Lari dari Rumah : Di Mana Silapnya?". Akademik (103). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.14-16.

Sumarni Dahrir dan Borhan Yusof, (2002). "Matlamat Dan Implikasi Kokurikulum Terhadap Pelajar". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Suriati Che Pi dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, (2002). "Kokurikulum Menjana Ke Arah Keseimbangan Pelajar". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Syuhada Choo Abdullah, (11 Oktober, 2002)(a). "Kokurikulum : UIAM Tetapkan Dua Jam Kredit". Kuala Lumpur : Berita Harian.

Syuhada Choo Abdullah, (26 Oktober, 2001)(b). "Aktiviti Kokurikulum Latih Pelajar Berani Bersaing". www.cikgu.net (dicapai pada 17 Jun 2003).

Syuhada Choo Abdullah, (31 Mac 2001)(c). "Kekalkan Kriteria Kokurikulum : Sahol Hamid". Kuala Lumpur : Utusan Malaysia.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Teng Boon Tong, (1984). "Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah". Kuala Lumpur : Heinemann Asia.

Uma Sekaran, (2000). *Research Methods for Business : A Skill-Building Approach*. New York : John Wiley & Sons Inc.

Utusan Malaysia. "Gejala Sosial Pelajar Semakin Buruk"
www.portal.pendidikan.utusan.com (dicapai pada 23 Disember 2002).

Utusan Malaysia. "Pelaksanaan Ko-Kurikulum Dalam Bahasa Inggeris". 18 Mei 2001. www.portalpendidikanutusan.com (dicapai pada 23 Jun 2003).

Wan Azmi Ramli, (2001). "Pengurusan Terkini". Kuala Lumpur : Golden Books Center Sdn. Bhd.

Wan Marina Wan Mohd. Nowalid (2003). "Persediaan Kerjaya Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntansi Politeknik Dalam Melahirkan K-Workers : Satu Tinjauan". KUiTTHO : Tesis Sarjana

Zulzila Zulkifli, (Ogos, 1998). "Pengakap Diiktiraf Seluruh Dunia". *Dewan Siswa*. Hlm. 10-13.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH